

# Harapan demokrasi di Myanmar cerah,

UM 7 AUG 2002  
Oleh ZULKIFLI JALIL

**K**UALA LUMPUR 6 Ogos - Harapan dunia untuk melihat demokrasi dipulihkan di Myanmar semakin cerah selepas kedua-dua pihak yang bertelagah - pemerintah junta tentera dan pemimpin pembangkang, Aung San Suu Kyi - bersejua berjumpa bagi membincangkan soal politik.

Utusan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail berkata, junta tentera Myanmar dan Suu Kyi telah menyatakan persetujuan untuk berbuat demikian tidak lama lagi.

"Saya baru pulang dari Myanmar dan nampaknya kemungkinan kedua-dua pihak bersetuju berjumpa untuk membahaskan soal-soal politik," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau yang juga bekas Wakil Tetap Malaysia ke PBB tiba di tanah air hari ini dari Myanmar.

Razali mengulas perkembangan misinya ke Myanmar yang disambung awal bulan ini bagi menyelesaikan konflik antara kerajaan

an pimpinan Perdana Menteri yang juga pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe dan Suu Kyi, pemimpin Parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD).

Dalam pada itu, Razali berkata, pertemuan antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Suu Kyi semasa lawatan Perdana Menteri ke Myanmar pada pertengahan bulan ini jika berlaku, tidak harus dilihat sebagai suatu bentuk campur tangan Malaysia dalam politik Myanmar.

Beliau bagaimanapun yakin lawatan Dr. Mahathir tidak bermotif politik tetapi sebaliknya bagi mengeratkan hubungan dua hala antara dua negara.

"Fokus lawatan Perdana Menteri antaranya adalah untuk menunjukkan kita mempunyai teknologi dan

ia tidak bersangkut paut dengan politik Myanmar," katanya.

Laporan *Utusan Malaysia* hari ini menyebut bahawa Dr. Mahathir dijangka menemui Suu Kyi semasa melawat Myanmar tidak lama lagi.

Bagaimanapun, menurut sumber Kementerian Luar itu, pertemuan atas permintaan pemimpin pembangkang terkemuka Myanmar itu bukan bermakna Malaysia cuba campur tangan dalam hal ehwal politik negara itu.

Lawatan Dr. Mahathir ke Myanmar selama dua hari bermula 18 Ogos ini merupakan lawatan balas kedua Perdana Menteri kerana beliau pernah melawat negara itu, awal Januari tahun lalu.

Lawatan itu sebagai membalas lawatan Than Shwe ke Malaysia pada 1996 dan September lalu.